



جَاهُ الْإِسْلَامِ نِجَرِي سَابَاہ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

خطبة الجمعة

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

12 REJAB 1447H/ 02 JANUARI 2026M

MUHASABAH DAN MENGINSAFI DIRI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Informasi

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- ﴿ Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah jumaat yang bukan disediakan, diseak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- ﴿ Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- ﴿ Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- ﴿ Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- ﴿ Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- ﴿ Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ (الحشر: 18)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan jamaah Jumaat sekalian. Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya di samping istiqamah melakukan amal-amal ibadah. Mudah-mudahan kita peroleh keberkatan dan keredaan serta perlindungan daripada Allah SWT. Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan tajuk: ***“Muhasabah dan menginsafi diri”***.

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Semalam kita baharu sahaja menyambut awal tahun baharu masihi 2026. Pastiya lembaran tahun lalu menyimpan pelbagai kenangan pahit dan

manis yang menjadi pengalaman berharga dalam hidup kita. Bertambahnya tahun bermakna usia kita turut meningkat. Kemungkinan juga saat kehidupan kita sudah hampir ke garisan penamat.

Acapkali berada di penghujung tahun, kita diseru untuk bermuhasabah diri atas setiap tindakan yang telah kita lakukan sepanjang tahun. Amalan bermuhasabah merupakan suatu amalan yang baik dan terpuji dalam rangka membentuk diri menjadi manusia yang lebih baik. Dalam masa yang sama, ia juga mendorong seseorang untuk memperbaiki setiap kelemahan dan kekurangan yang ada pada diri. Muhasabah diri pada hakikatnya tidak memiliki waktu secara khusus, bahkan lebih baik dilakukan setiap masa.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Muhasabah diri merupakan kewajipan setiap Muslim. Muhasabah diri membawa makna menilai, menyemak dan mengaudit diri sendiri. Ia adalah kewajipan setiap Muslim sebagai satu proses pembersihan jiwa, pembetulan tindakan dan penyucian niat. Muhasabah diri membawa seseorang kepada kesedaran, keinsafan dan kembali kepada Allah SWT dengan hati yang tunduk. Allah SWT memerintahkan kita supaya melihat setiap amalan yang dilakukan sepanjang hidup ini. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hasyar ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-*

Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.”

Ayat ini bukan sekadar menyeru kita untuk bertakwa, tetapi menyeru agar setiap manusia menilai kembali diri, menilai jalan hidup dan merenungi masa depan yang akan dibawa untuk hari esok iaitu hari akhirat. Setiap manusia diperintah untuk melakukan muhasabah yakni menilai diri, menilai amalan, menilai arah hidup dan menilai sejauh mana diri kita mendekati Allah SWT atau semakin menjauhi-Nya.

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Muhasabah merupakan perkara yang baik namun tidak disukai kerana kebanyakan manusia tidak mahu menilai kekurangan yang ada dalam diri mereka. Ia umpama ubat yang pahit tetapi menjadi penawar yang dapat mengubati pelbagai penyakit. Kerana itulah orang yang selalu bermuhasabah dapat membersihkan diri daripada kejahilan, kekurangan noda dan dosa. Namun, perlu kita sedari bahawa amalan bermuhasabah bukan hanya sekadar mengingati dan menilai kelemahan serta dosa-dosa yang telah dilakukan.

Sebaliknya, hakikat muhasabah perlu diiringi dengan keinsafan diri untuk kembali taat melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Renungkan hadis Nabi SAW, daripada Syaddad bin Aus R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud**: “*Orang yang bijak adalah orang yang bermuhasabah tentang dirinya (sebelum dihisab pada akhirat kelak) dan beramal untuk kehidupan sesudah mati.*

Sedangkan orang lemah adalah orang yang mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan terhadap Allah.” (HR at-Tirmizi)

Saidina Umar al-Khattab R.A juga pernah berkata **yang bermaksud:** *“Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab.”* Ini menunjukkan bahawa muhasabah adalah ciri utama orang beriman, orang soleh dan orang yang memiliki keinsafan. Orang yang tidak pernah bermuhasabah adalah orang yang sentiasa lalai, mudah tenggelam dalam dosa dan leka dengan dunia. Muhasabah juga merupakan tanda kecerdikan hati, kewaspadaan akal dan iman yang hidup.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Perintah untuk bermuhasabah menunjukkan betapa pentingnya bagi seseorang untuk melakukan audit dalaman. Segala kekurangan perlu diperbaiki, setiap kesalahan perlu diinsafi dan diperbetulkan. Manakala semua kelalaian perlu dielak daripada berulang kembali. Usaha pembetulan, penambahbaikan dan pencegahan diri perlu dibiasakan serta istiqamah dilakukan. Sebagaimana yang selalu dilakukan oleh para ulama salafussoleh, mereka akan melakukan muhasabah diri terlebih dahulu untuk membetulkan semua perbuatannya. Kemudian disusuli perbuatan menginsafi diri seterusnya meningkatkan lagi istiqamah ibadah serta amal soleh mereka.

Imam al-Hafiz Ibnu Rajab al-Hanbali, dalam kitabnya memetik satu kata-kata ulama dengan berkata : *“Sebahagian ulama berkata: “Para kekasih Allah berasa malu kepada Allah SWT jika pada hari yang mereka hadapi (hari ini), sama sahaja dengan hari sebelumnya. Ini memberikan isyarat bahawa mereka tidak rela dalam setiap harinya tidak ada penambahan*

perbuatan baik, dan mereka berasa malu dari tidak adanya (tambahan kebaikan) tersebut, dan mereka juga menanggap sebagai kerugian”.

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Penjelasan tersebut memberikan pelajaran tentang betapa pentingnya sikap bermuhasabah dan menginsafi diri. Seseorang yang tidak bermuhasabah, dia tidak akan tahu kualiti dan kuantiti ibadahnya, kebaikan dan kesalahan yang sudah dilakukan olehnya pada hari sebelum atau tahun sebelumnya. Mereka hanya menjalani kehidupan tanpa merenungi semua perbuatan mereka. Akhirnya, kehidupan mereka hanya mengulangi perbuatan yang sama. Manakala bagi kekasih Allah, mereka sentiasa sedar dan segera bermuhasabah pada setiap masa. Dengan itu, mereka terus berusaha menambah lagi ibadah serta kebaikan pada hari-hari berikutnya. Justeru mereka berasa malu kepada Allah jika tidak ada tambahan kebaikan yang mereka lakukan berbanding hari-hari sebelumnya.

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI ALLAH SWT,

Menyimpul khutbah hari ini, khatib ingin menekankan beberapa perkara penting buat renungan bersama:

Pertama: Amalan bermuhasabah merupakan suatu amalan yang dituntut dilakukan setiap hari agar menjadikan seseorang itu lebih baik dan istiqamah atas jalan Allah SWT.

Kedua: Kesenangan hidup di dunia ini sungguh memperdayakan umat manusia. Begitu ramai manusia tidak menyedari bahawa kesenangan

yang sedikit ini akan membinasakan mereka sekiranya lalai dan gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT.

Ketiga: Kehidupan ini perlu dikendalikan dengan sehabis baik. Upayakanlah untuk bermuhasabah dan menginsafi diri serta membetulkan segala kesilapan agar kehidupan kita diredainya.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid ayat 21.

سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ
لِلَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۚ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ
الْعَظِيمِ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *“Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasulNya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Bersama dengan kehadiran tahun baharu ini, marilah kita terus membulatkan tekad dan iltizam, khususnya mengangkat martabat Islam sebagai agama yang terus relevan sepanjang zaman. Catatan Sejarah Islam di Negeri Sabah yang kita cintai ini telah mula dikesan sejak abad ke-13 atau awal ke-14 lagi. Namun selepas mencapai kemerdekaan, usaha untuk menyebarkan dan mengembangkan Islam mulai terus dipergiat dengan adanya para mu'allim, da'ie serta gerakan dakwah melalui persatuan Islam.

Para pemimpin Islam khususnya Allahyarham Tun Datu Mustapha bin Datu Harun amat menyedari keperluan untuk membangunkan tamadun Islam di Sabah dalam semua aspek. Peranan serta komitmen Allahyarham dan para pemimpin Islam lainnya, ketika itu telah berjaya mencorak landskap Sabah khasnya perkembangan Islam itu sendiri.

Perkembangan Islam terus mengalami revolusi yang begitu ketara apabila gerakan dakwah persatuan Islam seperti Persatuan Islam Putatan, Persatuan Islam Tawau dan Persatuan Islam Sabah berjaya disatukan bawah satu bumbung melalui penubuhan United Sabah Islamic Association atau dikenali dengan singkatan USIA pada tahun 1969. Demi

melancarkan lagi pentadbiran hal ehwal Islam, sebuah agensi dibawah Kerajaan negeri perlu diwujudkan. Justeru itu Majlis Ugama Islam Sabah atau dikenali sebagai MUIS telah dibentuk pada awal tahun 1970an. Oleh kerana penetapan Islam sebagai agama rasmi pada tahun 1973, peranan dan pentadbiran hal ehwal Islam perlu diperkasakan.

MUIS telah menggalas tanggungjawab yang sangat besar. Justeru sebagai agensi penggubal dasar, MUIS juga telah menetapkan beberapa agensi pelaksana bagi menjalankan fungsi pentadbiran hal ehwal Islam yang lebih dinamik dengan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Pejabat Mufti Negeri Sabah, Mahkamah Syariah dan Pusat Zakat Sabah. Sehingga ke hari ini, Islam terus berkembang pesat dan telah melalui pelbagai cabaran khususnya dalam era globalisasi.

Bersempena hari haul yang ke-31 untuk Allahyarham Tun Datuk Seri Panglima Datu Mustapha bin Datu Harun pada hari ini, khatib sekali lagi ingin mengajak kepada seluruh Jemaah sekalian agar terus meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT tanpa melupakan jasa dan pengorbanan para pemimpin yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka khususnya dalam pengembangan agama Islam di Sabah. Semoga Allah SWT meredai usaha tersebut dan memberikan ganjaran setimpal buat mereka.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ

وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, Sudan dan negeri Syam sekitarnya. Kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami serta limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami dalam bulan Rejab

dan Syaaban dan temukanlah kami dengan bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.